

Kementerian Pendidikan Bahasa,
Manum Perayena
Jalon Univenstit
Kingaun

Yang Amar Mulia,

1. Dengan segala hormanya chata di abas zebtuh müjuk.
2. Sákaciá, dimakiumkan baliema pihak kami breadang untak men-
reogüurkan säta program akiokmak beumuji. Tessemtepan Bahasa Me-
Roma garada peagram jümal júha duraidaluaa berlungsang pada 15 Mac
2000 bertmpat di Obnan Raitak Ulama, Universtit. Contoh.
3. Schutbungan dengan liti pliak lerni menrokon perinebungan kebenaran
deripeda pihak iann bep, tuslacurikan program treethar. Program üi
merogläusentan katsinazan dan perigüassan perigguazan Bahasa Melsyu
kaurögan ategu ducebestit.
4. Konjasma dan sökongan daripeda pihak uran amatiah diflangei demi m-
meraguskan pebieumnan program nti.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan amanah.

Dania Jekotany
Dunaijabatang

Mengapa 'Adalah Dimaklumkan Bahawa' Perlu Ditinggalkan?

27 January 2026

Keformalan yang Mengelirukan

Frasa 'adalah dimaklumkan bahawa' telah sekian lama dianggap lambang keformalan dalam penulisan rasmi bahasa Melayu. Hampir setiap penjawat awam, guru, pelajar dan penulis pernah menggunakannya dalam surat, laporan atau pengumuman. Ayat seperti 'Adalah dimaklumkan bahawa mesyuarat ditangguhkan' kelihatan kemas, rasmi dan berwibawa. Namun dari sudut tatabahasa standard, frasa inilah antara contoh klasik penggunaan kata pemeris yang tidak perlu dan tidak tepat.

Kesalahan ini bukan terpendil. Ia berulang secara meluas dalam surat rasmi, karangan pelajar, khutbah Jumaat, laporan pentadbiran dan penulisan media. Kebiasaan yang berpanjangan telah menormalisasikan bentuk yang salah, seolah-olah kesalahan itu sah hanya kerana kerap digunakan.

Penyalahgunaan Kata Pemeris dalam Penulisan Semasa

Dalam era digital hari ini, bahasa Melayu digunakan secara meluas dalam komunikasi rasmi dan awam. Namun satu kelemahan yang ketara dalam banyak penulisan ialah penyalahgunaan kata pemeris 'ialah' dan 'adalah'. Ramai penulis menggunakannya secara bergantian atau berlebihan tanpa memahami fungsi sebenar kedua-dua kata tersebut. Akibatnya, ayat menjadi kaku, tidak lancar dan dalam banyak keadaan, menyalahi tatabahasa baku.

Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, kata pemeris ialah kata tugas yang berfungsi menghubungkan subjek dengan predikat. Walau bagaimanapun, penggunaannya terhad dan dalam kebanyakan ayat, sebenarnya boleh digugurkan tanpa menjejaskan makna. Penulisan yang matang tidak diukur melalui banyaknya kata pemeris, tetapi melalui ketepatan struktur dan kejelasan makna.

Fungsi Terhad Kata Pemeris dalam Bahasa Melayu

Dalam bahasa Melayu standard, hanya dua kata pemeris diiktiraf, iaitu 'ialah' dan 'adalah'. Kedua-dua perkataan tersebut mempunyai fungsi yang berbeza dan tidak boleh digunakan secara sewenang-wenangnya. Malah dalam banyak situasi, ayat menjadi lebih kemas dan berkesan apabila kata pemeris tidak digunakan langsung.

Kata Pemerih 'ialah': Definisi dan Identiti

Kata pemerih 'ialah' digunakan untuk menyatakan persamaan, definisi atau identiti. Kata ini mesti diikuti oleh frasa nama. Ayat yang menggunakan 'ialah' lazimnya bersifat setara antara subjek dengan predikat dan dalam banyak kes, boleh ditukar kedudukan tanpa mengubah makna. Contohnya, Malaysia ialah negara berdaulat dan Guru besar sekolah itu ialah Puan Aishah. Kedua-duanya merupakan ayat definisi yang gramatis dan tepat.

Kata Pemerih 'adalah': Huraian Sifat dan Keadaan

Sebaliknya, kata pemerih 'adalah' digunakan untuk memberikan huraian sifat atau keadaan kepada subjek. Kata ini lazimnya diikuti oleh frasa adjektif atau frasa sendi nama seperti untuk, dalam, dengan atau sebagai. Contohnya, 'Pendidikan adalah penting untuk kemajuan negara'. Namun dalam banyak keadaan, ayat tanpa adalah sebenarnya lebih lancar dan semula jadi, seperti 'Pendidikan penting untuk kemajuan negara'.

Kesalahan Tatabahasa yang Tidak Boleh Dikompromi

Kesalahan paling lazim dan paling serius ialah penggunaan kata pemerih di hadapan kata kerja. Ayat seperti Kerajaan adalah melaksanakan dasar baharu atau Matlamat kita ialah membina masyarakat harmoni jelas menyalahi peraturan tatabahasa. Kata pemerih tidak boleh mendahului frasa kerja. Bentuk yang betul ialah Kerajaan melaksanakan dasar baharu dan Matlamat kita membina masyarakat harmoni. Dalam konteks ini, penguguran kata pemerih bukan pilihan gaya, tetapi keperluan tatabahasa.

Selain itu, kesalahan yang sering berlaku ialah penggunaan kata pemerih bersama kata nafi. Ayat seperti 'Dia ialah bukan penipu' tidak selari dengan sistem bahasa Melayu. Kata nafi 'bukan' dan 'tidak', tidak serasi dengan kata pemerih. Bentuk yang betul ialah 'Dia bukan penipu'.

Keformalan Palsu dalam Penulisan Rasmi

Dalam penulisan rasmi, penggunaan kata pemerih sering dilakukan secara berlebihan atas alasan mahu kelihatan formal. Frasa 'adalah dimaklumkan bahawa' dianggap seolah-olah syarat keformalan. Hakikatnya, frasa ini boleh digugurkan tanpa menjejaskan makna. Ayat 'Dimaklumkan bahawa mesyuarat ditangguhkan' bukan sahaja lebih ringkas dan tepat, malah lebih profesional dan berdisiplin dari segi bahasa.

Membina Disiplin Bahasa dalam Penulisan

Untuk mengelakkan kesalahan ini, penulis perlu lebih berwaspada terhadap struktur ayat yang dibina. Tanyakan soalan asas sebelum menulis: adakah ayat ini berbentuk definisi atau persamaan? Jika ya, gunakan 'ialah'. Adakah ayat ini memberikan huraian sifat atau keadaan? Jika perlu, gunakan 'adalah'. Jika terdapat kata kerja selepas pemerih, gugurkan pemerih tersebut. Biasakan membaca ayat tanpa kata pemerih dan menilai kelancarannya.

Rujukan kepada sumber autoritatif juga penting. Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga dan portal Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka wajar dijadikan rujukan tetap dalam penulisan. Amalan membetulkan kesalahan kecil secara tekal dan konsisten akan meningkatkan mutu bahasa secara berperingkat.

Penutup: Bahasa yang Tepat, Bahasa yang Bermaruah

Kesimpulannya, 'ialah' dan 'adalah' bukan unsur wajib dalam setiap ayat. Penggunaan yang tepat mencerminkan penguasaan bahasa yang tinggi dan penghormatan terhadap tatabahasa standard. Bahasa Melayu yang bermutu bukan bahasa yang sarat dengan kata pemerai, tetapi bahasa yang jelas, tepat dan berdisiplin. Kesalahan kecil yang dibiarkan akan merosakkan keseluruhan penulisan. Tatabahasa yang betul ialah asas kepada bahasa yang bermaruah.

Rujukan

- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2010). *Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2008). *Tatabahasa Dewan (Edisi ketiga)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (t.t.). *Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM)*. Dicapai pada 24 Januari 2026 daripada <https://prpm.dbp.gov.my>
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa asas bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



Oleh: Ahmad Ibrahim

E-mel: ahmadbi@umpsa.edu.my

Penulis ialah Pensyarah, Pusat Sains Kemanusiaan (PSK), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

Rencana ini adalah pandangan peribadi penulis dan tidak menggambarkan pendirian rasmi Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

-
- 674 views

[View PDF](#)